

Impian 2057 PM

BH- 15/6/2007

Mahu Malaysia di puncak dunia dalam semua bidang

Oleh Azman Zakaria
dan Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi menegaskan, beliau mengimpikan apabila negara merayakan 100 tahun kemerdekaannya pada 2057, rakyat dan bangsa Malaysia akan mencapai kejayaan yang tidak pernah difikirkan.

Impian Perdana Menteri 50 tahun nanti ialah Malaysia melahirkan pemenang hadiah Nobel, syarikat yang benar-benar global, dihormati dan memasarkan jenama terkenal, mempunyai penyair dan artis diiktiraf dunia, memiliki paten saintifik terbesar di dunia, ahli sukan terkemuka, malah skuad bola sepak terbaik di Asia.

Pelajar dan profesor negara ini pu-

la akan menguasai universiti terkemuka dunia, manakala universiti tempatan akan menjadi pusat kece-merlangan untuk cendekiawan antarabangsa.

"Kita akan menjadi perintis tenaga alternatif, lahir daripada kelebihan kita dalam biofuel. Bandar raya kita paling ceria dengan gabungan kemudahan kosmopolitan yang bertunjangkan masyarakat adil dan bertolak ansur.

"Kemunculan kuasa-kuasa ekonomi serantau tidak menjadikan kita lalai, sebaliknya mendorong kita mencari kelebihan untuk bersaing dan menerajui banyak industri strategik. Kita menjadi hab logistik sebenar, pusat kewangan Islam terkemuka dan tempat rujukan global bagi bioteknologi dan pertanian moden.

"Inilah Malaysia yang saya impi-

kan pada 2057. Inilah apa yang saya maksudkan terbilang. Seratus tahun merdeka, seratus tahun kemajuan," katanya menyampaikan ucaptama *Menoleh Ke belakang, Bergerak Ke Depan: 50 Tahun Perniagaan di Malaysia* pada jamuan Kelab Perniagaan Kuala Lumpur di sini.

Abdullah pertama kali mengumumkan Misi 2057 selepas mempe-ngerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) 12 Mac lalu, sebagai kesinambungan Wawasan 2020 bagi memastikan rakyat terus membangun mengikut acuan sendiri selepas Malaysia menjadi negara maju.

Misi itu memberi penekanan terhadap modal insan, pembangunan jiwa bangsa dan perpaduan kaum

Sistem kongsi kuasa kaedah berkesan untuk Malaysia

DARI MUKA 1

dalam tempoh 37 tahun Malaysia sebagai negara maju, menuju ulang tahun ke-100 kemerdekaannya.

Perdana Menteri berkata, bagi mencapai impiannya itu, gandingan pelbagai lapisan masyarakat dan sektor termasuk kerajaan serta swasta perlu dijalin melalui ikatan persefahaman kukuh dan lebih memperlihatkan kepelbagaian etnik Malaysia.

Sehubungan itu, katanya, sektor swasta mesti berani meninggalkan prosedur lapuk dan bentuk minda yang boleh menghalang kemajuan.

"Amalan lapuk sudah mula kelihatan ditinggalkan dalam membangunkan modal insan, khususnya dalam minda, hati dan jiwa ahli perniagaan. Mereka sudah mula membuat pengkhususan dengan memberi fokus kepada produk dan perkhidmatan mengikut kemahiran serta berani bertindak dan bersaing pada peringkat global berbekalkan semangat 'Malaysia Boleh'.

"Kita mesti serius memberi perhatian kepada isu budaya korporat kerana ia memberi kesan besar terhadap budaya nasional. Sikap itu sudah dapat dilihat, perniagaan Malaysia semakin dikenali kerana rakan kongsi yang adil. Bagaima-

na 'cara' Malaysia ini berkembang nanti bukan saja menunjukkan bagaimana kita mengendali perniagaan tetapi bagaimana kita sebagai satu masyarakat," katanya.

Abdullah berkata, kemakmuran dan kemajuan pesat dicapai Malaysia kini, walaupun tidak ramai yang memberi harapan kepada negara pada awal kemerdekaan 50 tahun lalu, adalah testimoni kejayaan rakyat, khususnya kebijaksanaan pemimpin, daya tahan rakyat dan semangat keusahawanan tinggi ahli perniagaan.

"Pada masa sama, kita juga sedar cabaran sentiasa mendatang. Bagaimana kita menanganinya dan keputusan yang dibuat akan

menentukan kedudukan kita 50 tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata, dari segi politik, sistem perkongsian kuasa akan terus menjadi kaedah terbaik berdasarkan sejarah negara tetapi penekanan mesti bertukar daripada kewujudan bersama kepada kepuan sejati.

"Masyarakat Malaysia perlu lebih bersifat multi-etnik. Perniagaan, sekolah dan pertubuhan mesti memperlihatkan kepelbagaian etnik komuniti Malaysia. Ini hanya boleh dicapai dengan persefahaman jitu dan usaha bersungguh-sungguh ke arah meningkatkan kepelbagaian," tegas Perdana Menteri.